

Headline **Upin & Ipin: Angkasa**
Date **29. May 2009**
Media Title **Harian Metro**
Section **Rap**
Circulation **289315**
Readership **1981000**

Language **MALAY**
Page No **R20, R21**
Article Size **436 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **9378.38**



Upin & Ipin:

Projek filem terbaru Les' Copaque Production

>>**Oleh Ramlah Zainal**
roses@hmetro.com.my

SELEPAS kejayaan luar biasa filem Geng: Pengembalaan Bermula dengan kutipan sebanyak RM6.314 juta dan mini siri Upin & Ipin, syarikat animasi tempatan, Les' Copaque Production Sdn Bhd tampil dengan projek filem terbarunya, Upin & Ipin: Angkasa yang bakal direalisasikan pada 2011.

Pengarah Kreatif dan Pemasarannya, Mohd Nizam Abdul Razak, berkata apa yang menarik kali ini, pihaknya mengetengahkan karakter kembar Upin & Ipin sebagai watak utama dalam filem berkenaan.

"Pihak kami memutuskan untuk menampilkan karakter adik-beradik kembar Upin & Ipin sebagai watak utama dalam filem Upin & Ipin Angkasa berdasarkan maklum balas positif dari perminat setia karakter berkenaan.

"Filem ini adalah animasi 3D selama 90 minit yang membawa karakter Upin & Ipin dan rakan-rakannya mengembara dan meneroka ruang angkasa lepas dengan pelbagai pengalaman menarik termasuk bertemu makhluk asing.

"Setakat ini, filem ini masih



MOHD NIZAM...ketengah karakter Upin & Ipin

dalam proses praproduksi termasuk dari segi penulisan skrip dan jalan cerita lebih universal termasuk untuk pasaran luar negara.

"Ia juga lebih hebat daripada filem terdahulu membabitkan jalan cerita, kesan animasi dan teknologi penerbitan digunakan termasuk aplikasi teknologi stereotiga dimensi (3D)," katanya.

Berbanding filem Geng: Pengembalaan Bermula, Upin & Ipin: Angkasa membabitkan bajet yang lebih besar iaitu mencecah sebanyak RM6 juta.

"Apa yang penting, kualiti filem ini dijamin setanding dengan filem animasi luar negara kerana kita ingin menembusi pasaran global.

"Sekalipun untuk pasaran glo-

bal, kami tetap mengekalkan imej tempatan dalam filem berkenaan.

"Selain melabur semula keuntungan hasil kutipan filem Geng: Pengembalaan, pihak kami juga akan berbincang dengan pihak TM untuk menaja sebahagian daripada kos filem ini nanti.

"Tidak ketinggalan, bantuan kepakaran daripada pihak Mimos Berhad untuk membantu dari segi teknologi baru yang digunakan," katanya.

Tidak dinafikan, kata Mohd Nizam, ramai pihak yang membuka mata kepada mereka sejak kejayaan filem Geng:

Pengembalaan Bermula di pawagam tempatan.

"Kini, ramai pihak yang berminat untuk menjadi penaja filem animasi kami termasuk dari pihak kerajaan sendiri," katanya.

Bagaimanapun, kata Mohd Nizam, dia tetap berhadapan dengan tekanan kerana semua orang menaruh harapan tinggi pada filem Upin & Ipin: Angkasa apabila menjengah pawagam.

"Apapun, saya melihat teknologi itu dari sudut yang positif kerana ia membantu kami memperbaiki kelemahan sedia ada terutama dari segi skrip dan watak pada masa depan.

Headline Upin & Ipin: Angkasa
Date 29. May 2009
Media Title Harian Metro

Angkasa

Sdn Bhd bakal direalisasikan 2011

"Contohnya, ada pihak luar negara yang berpendapat format filem Geng: Pengembalaan juga kurang sesuai untuk pasaran luar negara," katanya.

Mohd Nizam berkata demikian ketika majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) Upin & Ipin dan pertukaran dokumen Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Les' Copaque di Menara Kuala Lumpur, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM, Datuk Bazlan Osman; Ketua

Pegawai Operasi TV9, Bukhari Che Muda; Pengarah Urusan Les' Copaque, Burhanuddin Md Radzi; Ketua Pegawai Operasi PT Cipta (TPI) Indonesia Nana Putra dan Ketua Pegawai Eksekutif Jive! (pengedar filem, teater, TV dan home video Indonesia) yang juga wakil Blitzmegaplex, Wendy Soeweno.

Lebih memberangsangkan, kata Mohd Nizam, filem Geng: Pengembalaan Bermula akan menjengah 50 pawagam Indonesia bermu-

la September nanti.

"Pihak kami belum mempunyai sebarang sasaran dari segi kutipan untuk filem ini di Indonesia kerana ia bergantung kepada sambutan mini siri Upin dan Ipin yang ditayangkan di stesen TPI Indonesia selama dua bulan bermula Ramadan nanti."

"Sekalipun filem Geng dipasarkan di Indonesia untuk menguji pasaran filem kita di sana, kami tetap mengharapkan pulangan dari segi kutipannya nanti," katanya.

FOTO | Halimaton Saadiah Sulaiman



CERIA...
(dari kiri)
Bukhari,
Nana, Mohd
Nizam dan
Wendy
beramah
mesra dengan
karakter Upin
& Ipin.